

01 JUN 2003

Abdullah-Parlimen

HUBUNGAN BAIK PARLIMEN DAN EKSEKUTIF BANTU BANGUN NEGARA

PETALING JAYA, 1 Jun (Bernama) -- Persefahaman dan hubungan baik antara Parlimen dan kerajaan iaitu pihak eksekutif adalah antara sebab utama negara dapat dimajukan serta berjaya dalam pelbagai bidang, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Abdullah berkata di negara ini apa yang dikehendaki oleh undang-undang serta bil-bil bagi melaksanakan pembangunan negara diluluskan oleh Parlimen kerana ia memahami keperluan tersebut dan dengan itu sentiasa memberikan kerjasama.

"Maka dengan itu pihak pentadbiran akan dapat undang-undang yang membolehkan merancang apa-apa program atau rancangan yang boleh memajukan negara," katanya kepada pemberita selepas menutup Persidangan Speaker-speaker Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri ke-32 di sini.

Beliau diminta mengulas ucapannya sebelum itu yang menyentuh mengenai pentingnya kerjasama antara legislatif dan eksekutif.

Abdullah berkata di negara ini hubungan baik antara institusi Parlimen dan eksekutif membolehkan hal-hal seperti Bajet serta undang-undang berkaitan pembangunan diluluskan tanpa banyak masalah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebaliknya ada negara-negara lain yang mempunyai masalah antara Parlimen dan eksekutif atau kerajaan sehingga kadang-kadang ia sampai di peringkat bil-bil kewangan tidak dapat diluluskan oleh Parlimen dan dengan itu menimbulkan masalah pentadbiran.

Abdullah berkata ada masanya Parlimen di negara-negara ini terpaksa dibubarkan kerana menghadapi banyak masalah.

"Tapi di negara kita, ini tidak berlaku jadi kita dengan itu amat menghargai peranan Parlimen dan kita telah memberikan pada Parlimen peranan sebenar mengikut Perlembagaan kita dan ahli-ahli parlimen dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik," katanya.

Di samping itu, beliau berkata pihak pentadbiran di negara ini juga sentiasa menunaikan tanggungjawab kepada Parlimen dengan mengemukakan apa juga laporan yang perlu dikemukakan mengikut Perlembagaan Negara dan peraturan yang sedia ada.

"Dan tanggungjawab serta akauntabiliti ini jelas dapat dilihat melalui bil-bil yang dikemukakan di Parlimen dan dewan-dewan Undangan Negeri bagi peringkat kerajaan negeri," kata Abdullah.

Mengenai mengenai pandangan pihak tertentu yang melihat hubungan baik antara institusi Parlimen dan kerajaan sebagai mencerminkan Parlimen sebagai tidak bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya, Abdullah berkata Parlimen di negara ini adalah bebas dan membuat keputusan mengikut peraturan-peraturan.

"Mereka sangat bebas...parlimen membuat keputusannya sendiri. Apa sahaja yang dibawa ke parlimen, parlimen yang memutuskan. Ia tidak perlu memihak kepada kerajaan. Anggota-anggotanya akan membuat keputusan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata Parlimen dan Dewan-dewan Undangan negeri adalah satu institusi yang memberi bantuan kepada pemerintah melaksanakan banyak dasar serta program.

Beliau berkata dalam hal itu, integriti speaker adalah amat penting bagi menjayakan hubungan dan saling bantu membantu di antara legislatif dan eksekutif.

Abdullah berkata lebih-lebih lagi dalam keadaan banyak cabaran yang perlu dipikul oleh kerajaan pada hari ini dengan perubahan dunia

memandangkan undang-undang baru yang satu ketika dulu tidak pernah difikirkan seperti berkaitan teknologi siber dan teknologi maklumat perlu diwujudkan.

Abdullah berkata harapan rakyat terhadap Parlimen dan DUN terutamanya di kalangan generasi muda juga makin bertambah dan ketara.

"Para speaker bertanggungjawab untuk memastikan bahawa urusan dewan sentiasa berjalan dengan cekap, pantas dan berkesan. Speaker juga harus bertindak dengan adil untuk memberi ruang kepada setiap ahli dewan yang menganggotai pelbagai parti agar dapat menyuarakan pandangan dan pendapat mereka," katanya.

Peranan dan tanggungjawab Parlimen dan DUN begitu penting kepada negara kerana institusi-institusi itu adalah lambang dan asas kepada amalan demokrasi berparlimen yang dipraktikkan di negara ini, katanya.

"Sekiranya Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri bergerak dengan lancar dan teratur, maka demokrasi kita juga akan turut sihat, lancar dan teratur," kata Timbalan Perdana Menteri.

Beliau juga berkata untuk menjadi seorang ahli dewan yang baik, seseorang wakil rakyat tidak perlu bertindak keterlaluan atau cuba membelakangkan peraturan mesyuarat semata-mata untuk menonjolkan diri atau untuk mengetengahkan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

"Apa yang lebih penting ialah kebijaksanaan dan rasa tanggungjawab untuk menyampaikan hujah dan fakta sambil mengekalkan sopan santun ketika berhujah," kata Abdullah.

Abdullah berkata speaker pula bukan hanya perlu tahu mengenai berita terkini dan mahir dalam isu semasa tetapi juga perlu mengamalkan budaya belajar sepanjang hayat untuk menguasai ilmu pengetahuan termasuk ICT.

Sementara itu, persidangan tiga hari itu turut meluluskan beberapa usul termasuk merakamkan perasaan amat kesal di atas tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq tanpa keizinan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Yang di-Pertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail berkata tindakan tersebut adalah satu tindakan yang tidak sah, melanggar undang-undang antarabangsa dan piagam PBB dan juga tidak berperikemanusiaan kerana mengorbankan ramai nyawa rakyat Iraq yang tidak berdosa.

"Kami dengan ini menggesa semua negara yang cintakan keamanan supaya berusaha lebih gigih bagi mengembalikan kredibiliti PBB dan mencegah kejadian serupa di masa depan," kata beliau.

-- BERNAMA

RV KHY MOZ